

LAMPIRAN

- a) Projek ini telah bermula 4hb Januari 2024 yang lalu dan antara skop utama ialah menaiktaraf jalan sediada dari satu lorong sehala kepada 2 lorong sehala (atau 4 lorong 2 hala) serta pengalihan dan pemasangan utiliti sepanjang 3.1km. Status terkini di tapak ialah pembinaan sistem saliran longkang tepi jalan sedang dilaksanakan di tapak bina di samping proses pengambilan balik tanah yang terlibat dengan jajaran jalan sedang berjalan di peringkat pentadbir tanah daerah Klang.
- b) Sehingga 31hb Oktober 2024, kemajuan fizikal ialah 38% berbanding 21% kerja sebenar di tapak bina iaitu 17% beza bersamaan sebanyak 33 hari lewat. Kelewatan ini disumbang oleh kekangan ruang kerja yang terhad di tapak disebabkan proses pengambilan tanah sedang berjalan.
- c)
 - i) Pengambilan tanah bagi projek ini melibatkan 48 lot dan anggaran asal oleh JPPH berjumlah RM 22 juta. Walaubagaimanapun, kos pengambilan tanah bagi 48 lot tersebut meningkat sehingga 507 % iaitu RM 134 juta. Kos pengambilan tanah sahaja telah melebihi siling asal projek.
 - ii) JKR perlu memohon kenaikan siling projek sebanyak RM 112 juta dan peruntukan tambahan untuk membayar pampasan pengambilan tanah pada tahun 2025 sebanyak RM 101 juta.
 - iii) Siling asal projek Telok Gong adalah sebanyak RM 128,830,000.00 merangkumi kos pembinaan, rekabentuk, pengambilan tanah dan lain-lain kos yang berkaitan.
 - iv) Dalam masa sama, pada tahun 2025 hanya RM 96 juta sahaja peruntukan P12 diluluskan untuk JKR meneruskan semua projek-projek yang sedang dalam pembinaan di seluruh Negeri Selangor yang dijangkakan tidak akan mencukupi untuk kelangsungan pembayaran projek-projek infra di Negeri Selangor.